## MENGGANTIKAN FRASA DENGAN PERKATAAN: LATIHAN 5

**ARAHAN: Gantikan frasa yang bergaris bawah di dalam setiap item di bawah ini dengan sepatah perkataan yang sesuai. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung ( ) yang disediakan.**

1 Saya diberi tugas untuk **memainkan peranan** sebagai seorang pengemis tua dalam persembahan konsert sekolah kami.
(1) beraksi (2) berhiba
(3) berkhayal (4) berlaku ( )

2 Semasa berkhemah di Jalan Bahtera dengan rakan-rakan sekolah, makanan yang disediakan **tiada apa-apa rasa** sahaja.
(1) masam (2) masin
(3) pahit (4) tawar ( )

3 Sebelum gigi saya dicabut, doktor di klinik gigi itu **memasukkan ubat ke dalam gusi dengan menggunakan picagari** saya.
(1) menanam (2) menelan
(3) menyorok (4) menyuntik ( )

4 Kerajaan akan menebas dan membersihkan **kawasan yang ditumbuhi pokok-pokok liar dengan terbiar** untuk di jadikan tapak kawasan perumahan.
(1) gurun (2) hutan
(3) lembah (4) taman ( )

5 Baru-baru ini, seorang wanita dari negeri China menjadi **pengembara angkasa lepas** yang pertama di dunia.
(1) angkasawanita (2) biduanita
(3) pustakawan (4) wartawan ( )

6 Ramai pelajar Melayu yang **lebih minat** dengan permainan bola sepak daripada sukan-sukan lain.
(1) asyik (2) cenderung
(3) khayal (4) mahir ( )

7 Neil Amstrong ialah **orang yang mula-mula** angkasawan-angkasawan yang menjejakkan kaki di permukaan bulan.
(1) pengembara (2) peniaga
(3) perantau (4) perintis ( )

8 Walaupun mudah didapati buah-buahan **dari luar negeri** yang diimport, saya masih gemar akan buah-buahan tempatan.
(1) asing (2) handal
(3) profesional (4) upahan ( )

9. Saya jerit dengan kuat apabila ternampak **bentuk sesuatu benda yang kurang jelas** dan menakutkan berada di tingkap bilik tidur saya.
   (1) asap (2) bingkai
   (3) lembaga (4) raksasa ( )

10. Akibat kemalangan motosikalnya itu, Ramli **tidak boleh gerakkan** anggota-anggotanya dari bahagian pinggang ke bawah.
   (1) lemah (2) lumpuh
   (3) pejal (4) sengal ( )

11. Cikgu Ishak akan **menentukan sama ada kami faham** tentang pengajarannya hari ini esok.
   (1) menawar (2) mencabar
   (3) mendera (4) menguji ( )

12 Penyelam-penyelam pakar itu telah menjumpai harta karun dalam bangkai sebuah kapal di **bahagian paling bawah** Lautan Atlantik.
   (1) aras (2) dasar
   (3) tahap (4) tingkat ( )

13 Saya dan ayah duduk berbual sambil menunggu siaran **terus menerus** pertandingan akhir Kejuaraan Piala Dunia melalui Saluran 5.
   (1) hidup (2) langsung
   (3) lurus (4) serentak ( )

14 Nelayan-nelayan di Pantai Timur Malaysia itu tidak ke laut tetapi membaiki pukat-pukat mereka dalam musim **hujan turun berpanjangan**.
   (1) bunga (2) gugur
   (3) salji (4) tengkujuh ( )

15 Awang yang tahu dia telah melakukan kesalahan **tidak berkata-kata sepatah perkataan pun** walaupun disoal ayahnya.
   (1) membisu (2) memekak
   (3) menafi (4) menuli ( )